

Media item

Full Text

Saya gentar tandatangan Akta 342: Dr Adham

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia by Bernama

04 Nov 2021

News - Page 0 - 226 words - ID my0045867054 - Photo: No - Type: -

Size: 82.00cm²

Saya gentar tandatangan Akta 342: Dr Adham Bernama PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Adham Baba semalam mendedahkan bahawa beliau sebenarnya gentar untuk menurunkan tandatangan pada Mac 2020 bagi menguatkuasakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) ketika pandemik COVID-19 melanda. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi itu berkata ia adalah pengalaman tidak dapat dilupakan kerana apabila beliau menandatangani dokumen tersebut sebagai menteri kesihatan ketika itu, secara automatik rakyat negara ini tidak dapat bergerak bebas berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). "Tidak pernah dalam sejarah seorang menteri tandatangan Akta 342," kata Dr Adham ketika berkongsi the untold story (kisah di sebalik) itu pada Majlis Perkongsian Strategik Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di sini semalam. "Betapa gentarnya saya nak tandatangan Akta 342, nak laksanakan lockdown (sekatan pergerakan) satu negara. Semua orang diperintah stay at home (duduk di rumah) bermula 18 Mac 2020," katanya pada majlis yang turut dihadiri Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin. Susulan penguatkuasaan Akta 342 bagi membendung penularan pandemik COVID-19 dalam negara ini, PKP mula dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020 dengan beberapa status peringkat pelaksanaannya sebelum negara beralih kepada fasa-fasa Pelan Pemulihan Negara bermula 15 Jun lepas. Dr Adham berkata apabila Akta 342 dikuatkuasakan, setiap peraturan terkandung dalam akta tersebut digunakan sepenuhnya untuk tujuan pencegahan dan kawalan pandemik COVID-19 walaupun mendapat kritikan hebat dari pelbagai lapisan masyarakat. "Setiap patahanayat dalam Akta 342 kita gunakan untuk pencegahan dan kawalan pandemik COVID-19," katanya. — Bernama

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.